

09/01/2004

Pasaran saham positif, IK tertinggi sejak tiga bulan

Nur Lina Rasol

KUALA LUMPUR: Sentimen positif pasaran saham tempatan berikutan pelantikan Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan Kedua yang baru, terus mengukuh dengan menyaksikan Indeks Komposit (IK) di Malaysia Securities Exchange Bhd (MSEB) melonjak 7.44 mata atau 0.92 peratus kepada 813.2 mata semalam.

Paras IK itu adalah tertinggi dalam tempoh tiga bulan. Tahun lalu paras tertingginya ialah 817.12 mata yang dicatat pada 31 Oktober menjelang peralihan pucuk pimpinan negara daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Jumlah dagangan di MSEB semalam, yang meningkat kepada 879.477 juta saham bernilai RM1.795 bilion juga adalah tertinggi dalam tempoh tiga bulan sejak 5 November tahun lalu.

Lonjakan pasaran semalam adalah menyeluruh dengan hampir semua indeks utama mencatat peningkatan.

Indeks Emas menambah 2.34 mata kepada 201.01 mata, Indeks Papan Kedua naik 1.36 mata kepada 143.66 mata, manakala Indeks Pasaran Mesdaq menokok 1.43 mata kepada 155.45 mata.

Saham untung mengatasi saham rugi dengan 648 kaunter untung, 235 rugi sementara 173 kaunter tidak berubah, 162 tidak diniagakan dan 63 digantung. Kelmarin, selepas pengumuman rombakan Kabinet, IK melonjak 18.47 mata atau 2.35 peratus untuk ditutup pada 805.76 mata.

Ketua Penganalisis Teknikal Mayban Securities Sdn Bhd, Heddy Humaizi Hussain, berkata kenaikan menyeluruh itu menunjukkan pasaran bukan saja disokong kenaikan dalam saham mewah, tetapi juga oleh peningkatan dalam saham lain.

"Pelantikan Datuk Seri Najib Razak sebagai Timbalan Perdana Menteri memberikan keyakinan terhadap kestabilan politik negara. Ia bukan saja menarik pelabur tempatan tetapi juga pelabur asing yang sememangnya meletakkan faktor kestabilan politik sebagai syarat utama sebelum melabur," katanya.

Beliau berkata, pelantikan Najib itu memberikan keyakinan kepada pelabur bahawa Umno semakin kukuh menjelang pilihan raya umum yang dijangka diadakan tidak lama lagi.

"Pasaran kini bersedia bergerak ke tahap lebih tinggi sejajar dengan semakin kukuhnya Umno sebelum pilihan raya umum yang dijangka berlangsung tidak lama lagi," katanya.

Heddy berkata, selain pelantikan Najib dan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop sebagai Menteri Kewangan Kedua, lonjakan pasaran juga disebabkan rali Tahun Baru Cina yang sudah bermula.

"Kami menjangka paras rintangan selepas ini ialah 830 mata. Mungkin ada kegiatan mengambil untung tetapi ia boleh diserap pada tahap sekitar 805 mata," katanya.

Sementara itu, Penganalisis Ekonomi dan Teknikal Welloff Sdn Bhd, Kamarulzaidi Kamis berkata, kenaikan pasaran secara menyeluruh itu menunjukkan pasaran menyambut baik pelantikan Najib dengan pelabur runcit dan asing turut memasuki pasaran.

"Pelabur asing yang meletakkan kestabilan politik sebagai antara faktor utama sebelum melabur, mula memasuki pasaran petang kelmarin dan semalam. Walaupun bilangannya masih kecil, ia menunjukkan keyakinan mereka terhadap kestabilan politik Malaysia semakin kukuh berikutan pelantikan Najib," katanya.

Kamarulzaidi berkata, sentimen pasaran yang semakin positif kebelakangan ini berikutan pemulihan ekonomi global dan domestik, menerima rangsangan yang sangat diperlukan dengan pelantikan Najib dan Nor Mohamed.

"IK dijangka terus meningkat selepas ini dengan paras sokongan pada 800 mata," katanya.